

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN BERTULIS

1. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan dalam melaksanakan program regularisasi pendatang asing di Sabah.
2. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mengapakah jumlah pengundi di Sabah bertambah secara mendadak.
3. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah peruntukan yang telah dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan akibat ketidaklaksanaan projek-projek terlibat pada tahun 2021 dan apakah langkah yang diambil bagi mengelak perkara ini berulang.
4. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, sejauh manakah keberkesanan meletakkan seorang Penolong Pegawai Daerah bagi setiap kawasan DUN dan adakah pendekatan tersebut telah berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan kepada rakyat di kawasan.
5. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah semua pemilik tanah di daerah Kota Belud dan Penampang yang terlibat dalam pengambilan tanah untuk projek Pan Borneo di daerah telah dibayar pampasan.
6. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah semua pemilik tanah di kawasan Kadamaian yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk projek talian grid elektrik Kota Belud-Ranau telah dibayar pampasan.
7. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah usaha-usaha kementerian untuk membaiki kerosakan dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di seluruh kawasan DUN Kadamaian.
8. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah sebarang projek pembaikan tebing sungai Kadamaian yang telah dilaksanakan dalam tempoh 2020-2022 setakat ini bagi mengelakkan runtuh tebing sungai terus berlaku.
9. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah usaha dan insentif baharu yang telah diberikan kepada petani dan pekebun kecil yang terjejas akibat kenaikan mendadak harga baja dan racun untuk pertanian.

10. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah kerajaan bercadang membina kolam takungan limpahan air banjir parit dan sungai di Kota Belud dan Penampang.
11. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan risiko banjir yang kerap berlaku di Kg Sumbilingon, Kg Pompod dan kampung-kampung lain di sekitarnya.
12. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan kerajaan untuk memindahkan atau menempatkan semula penduduk di sepanjang tebing sungai Moyog dan Sungai Kadamaian yang selalu menjadi mangsa kejadian banjir.
13. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah kementerian bercadang untuk membina unit-unit kedai baharu di Pekan Taginambur dan lokasi lain dalam kawasan Kadamaian bagi merencanakan aktiviti perniagaan dan ekonomi rakyat.
14. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah dasar dan formula yang digunakan supaya penduduk dari kawasan Kadamaian yang sememangnya berhak dan layak akan mendapat unit rumah di PPR Kota Belud.
15. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan pusat pengumpulan sampah domestik di setiap mukim dalam kawasan Kadamaian.
16. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan kemudahan infra tamu bagi tamu mingguan dan bulanan yang diadakan kampung-kampung di Kadamaian seperti Kg. Pinolobuh, Kg .Piasau, Kg. Sumbilingon, Kg. Lompios, Kg. Takulung dan Kg. Melangkap Tiong.
17. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, mengapakah jawatan Ketua Anak Negeri bagi masyarakat Kadazan, Dusun, Murut di Tawau belum dilantik atau belum lagi diisi oleh Ketua Adat daripada masyarakat ini.

18. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan kerajaan untuk mendalamkan dan melebarkan parit-parit konkrit yang telah dibina lebih 20 tahun lepas di daerah Penampang.
19. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah lampu jalan akan dibina di jalan utama Penampang dari Kg. Ramayah ke Kg. Maang.
20. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memperbaiki kerosakan di sepanjang jalan raya utama ke Mukim Lasau Kadamaian yang berada dalam kawasan tentera (Kem *Paradise*).
21. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah usaha kerajaan untuk memperbaiki kerosakan dan seterusnya menaik taraf dewan-dewan serbanguna di Kg. Tamu Darat, Kg. Gaur, Kg. Rangalau, Kg. Kiau Taburi, Kg. Tambatuon, Kg. Tambulion, Kg. Mangkulat, Kg. Taginambur Batu 10 dan Kg. Lasau Lama.
22. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah status terkini cadangan membina klinik desa di Kg. Nahaba dan Kg. Tolus dalam kawasan DUN Kadamaian.
23. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah status penurapan jalan raya ke Vista Minintod di kawasan Bundusan, Penampang.
24. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah rancangan tindakan jangka masa pendek dan panjang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Cybercity dan Donggongon.
25. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah tindakan dan pendekatan tegas yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap Jawatankuasa Pengurusan atau pemaju yang tidak bertanggungjawab termasuk dalam isu pemotongan bukit dan penimbusan tanah.
26. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan kawasan Donggongon dan sekitarnya tidak lagi dilanda banjir.

27. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, bilakah sistem amaran awal seperti siren dan CCTV akan dipasang di kawasan Moyog dan juga Kapayan untuk langkah berwaspada dan persediaan sewaktu banjir, dan apakah inisiatif baharu yang telah diambil untuk menaiktarafkan keselamatan dan persediaan banjir di Penampang.
28. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil dalam pengurusan sisa toksik berjadual seperti sisa elektronik di kawasan perumahan dan di pendalaman Sabah untuk menghentikan pembuangan sisa secara tidak mapan untuk menjaga alam sekitar dan kesihatan masyarakat di Sabah.
29. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah jenis bantuan yang boleh disalurkan kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga terlantar sakit dan tidak mempunyai rumah atau penempatan tetap, dan bagaimanakah mereka mengakses bantuan tersebut.
30. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mohon memberi time frame pelaksanaan sepenuhnya kuota 30% wanita sebagai pembuat keputusan terutama untuk jawatan-jawatan di peringkat akar umbi sebagai pemimpin komuniti seperti Ketua-ketua Adat dan Pengerusi JP KK.
31. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN PERUMAHAN DAN TEMPATAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah tindakan yang telah diambil berikutan komitmen kementerian semasa sidang DUN pada Mac 2022 berkaitan pelaksanaan Perancangan 10 Tahun Menghentikan Perkahwinan Bawah Umur 18 tahun.
32. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapakah jumlah bantuan yang telah diagihkan untuk kebajikan warga emas di Penampang, dan khususnya di Kapayan, dan bagaimanakah ianya diagihkan.
33. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah jenis bantuan yang telah diberikan kepada mangsa-mangsa banjir di Penampang, dan bagaimanakah penerima bantuan tersebut dikenal pasti.
34. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kesan ancaman produk sabun pencuci yang mengandungi mikromanik kerana produk ini mencemari air dan membahayakan

hidupan laut dan manusia serta apakah langkah yang telah diambil untuk menghentikan pengeluaran produk-produk tersebut.

35. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, sejauh manakah keberkesanan usaha-usaha kerajaan dalam menangani isu kesihatan mental di Sabah kerana JKNS menyatakan Sabah merekodkan prevalens kemurungan tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 4% pada tahun 2021 berdasarkan saringan kesihatan mental yang dijalankan.
36. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah usaha Kementerian untuk menangani isu kesihatan mental yang berpunca daripada faktor seperti tekanan yang berpunca daripada kurang peluang pekerjaan, gaji tidak mencukupi untuk menanggung kos sara hidup, harga barangan naik dan sebagainya.
37. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah tindakan yang diambil untuk mencapai sifar HIV menjelang 2030 yang dinyatakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sedangkan golongan PLHIV tanpa dokumen tidak diberi rawatan. Ramai golongan tersebut tidak mampu membayar rawatan permulaan yang mencecah RM250.
38. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah dasar dan *Standard Operation Procedures* terhadap golongan *Trans-Wanita* semasa serbuan oleh Majlis Ugama Islam Sabah ke beberapa premis di Semporna.
39. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah punca kekurangan dana yang akhirnya menyebabkan aduan-aduan rakyat yang dibuat kepada kepada jabatan kerajaan, Majlis Daerah dan Dewan Bandar Raya tidak diambil tindakan.
40. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perkembangan terkini berkenaan kajian pendigitalan warga asing di Sabah.
41. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah pelan jangka masa panjang Jawatankuasa Khas Pekerja Asing Tanpa Dokumen dan Warganegara Asing dalam memastikan jawatankuasa ini efektif dan inklusif dalam menyelesaikan isu warga asing di Sabah.
42. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, mohon pecahan peruntukan dan bantuan kepada sekolah- sekolah dan badan-badan agama bukan Islam bagi tahun 2022 di Sabah.

43. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah pelan perancangan jangka pendek dan panjang dalam memastikan bekalan beras mencukupi untuk keperluan penduduk Sabah bermula tahun 2023.
44. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN PERUMAHAN DAN TEMPATAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah perancangan dan bilakah proses menaik taraf dijalankan dalam tahun ini untuk kebanyakan jalan raya aspal dan jalan kampung di kampung, bandar, taman-taman, apartment dan di kawasan perindustrian yang perlu dinaiktaraf disebabkan jalan yang banyak berlubang dan ditampal berkali-kali.
45. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah kajian yang telah dijalankan untuk menghadapi kekurangan bekalan air di sekitar Kota Kinabalu dan adakah kajian tersebut merangkumi cadangan-cadangan alternatif kepada Empangan Papar yang dikemukakan oleh badan bukan kerajaan.
46. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah penyelesaian dan bantuan yang disalurkan kepada penduduk untuk menyelesaikan isu tanah runtuh dalam kediaman penduduk di Taman Sindo, Penampang akibat kerja-kerja Jabatan Kerja Raya di atas bukit berdekatan kawasan Taman tersebut.
47. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah status pembinaan pintu banjir automatik Parit Juta di kawasan Kampung Ganang Air yang mampu mengawal banjir semasa air pasang.
48. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan untuk menyegerakan kerja menaik taraf parit atau longkang di sepanjang lebuh raya di Jalan Lintas-Kapayan dalam bentuk pembinaan konkrit.
49. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan projek menurap jalan raya di Mukim Bunga Raya, Keningau yang telah dijanjikan pelaksanaan pada tahun 2022 oleh Menteri sendiri.
50. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah proses pemantauan oleh JPKK dan UPPM dalam menjalankan tugas untuk mengawal selia peruntukan untuk membaiki projek infrastruktur kampung.
51. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah perancangan untuk mengatasi masalah banjir yang masih kerap berlaku di Kampung Sugud,

Penampang dan kampung sekitarnya setiap kali hujan lebat dan mengapakah tindakan susulan untuk membersihkan kawasan yang dilanda banjir dihentikan.

52. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II:-**
- a) apakah punca kelewatan untuk melantik pemaju perumahan baharu untuk Menara Triconic yang mana pembinaannya sudah terhenti sejak 2020; dan
 - b) adakah Kementerian akan mengkategorikan projek ini sebagai projek terbengkalai bagi melindungi hak pembeli-pembeli rumah di menara tersebut.
53. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah pelan tindakan yang diambil dalam menangani isu kenaikan harga barangan mentah dan barangan diproses dalam pasaran.
54. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah tindakan yang wajar untuk membantu golongan B40 untuk membangunkan tanah yang dimiliki mereka supaya dapat meringankan beban menanggung kenaikan harga barangan keperluan harian.
55. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah perancangan dan adakah peruntukan kewangan untuk membantu para penternak menaikkan pengeluaran ternakan bagi menampung keperluan makanan tempatan dan supaya penternak dapat menaikkan pendapatan mereka.
56. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah program yang telah dijalankan bersama Jabatan Veterinar dan badan bukan kerajaan untuk mengawal peningkatan bilangan anjing dan kucing terbiar.
57. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah sebab kelewatan penyaluran dana untuk menangani banjir di Kg Sugud, Kg Maang dan kawasan lain di Penampang yang selalu mengalami banjir.
58. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, bilakah Ordinan Buruh Sabah akan dipinda untuk menjaga hak-hak pekerja termasuk membolehkan pekerja memohon 98 hari cuti bersalin, 7 hari cuti paterniti, dan bekerja 45 jam seminggu.

59. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan peraturan piawaan perumahan minima pekerja juga diterima pakai dan dipinda di bawah Ordinan Buruh Sabah.
60. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan syarikat telekomunikasi akan meluaskan perkhidmatan ke kawasan yang dianggap tidak menguntungkan kepada mereka seperti kawasan terpencil dan perkampungan yang kecil.
61. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah inisiatif lain untuk memperkenalkan satu sistem bagi memudahkan golongan yang tidak mampu milik memiliki komputer riba selain melalui Jabatan Pelajaran Sabah.
62. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, apakah status program pemberian dana atau pinjaman faedah rendah kepada perusahaan kecil dan sederhana.
63. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah dasar semasa bagi membantu pembangunan perusahaan pelancongan berasaskan komuniti luar bandar terutama dari segi mendapatkan lesen perniagaan dan lesen operasi.
64. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN PERUMAHAN DAN TEMPATAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah tindakan yang diambil untuk menghentikan peningkatan plastik sampah, terutama pembungkus plastik No.6 yang tidak diterima untuk dikitar semula di Sabah tetapi masih digunakan dan telah menyumbang peningkatan plastik sampah dan membebankan pengurusan tapak pelupusan dan pembersihan jalan raya.
65. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah rancangan yang dibuat untuk mengukuhkan budaya dan identiti orang asal Sabah dan mengapakah peruntukan sambutan Perayaan Hari Orang Asal Sedunia yang pernah diadakan selama dua tahun iaitu pada 2018 dan 2019 tidak lagi diteruskan.
66. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, berapakah bilangan masyarakat yang masih tinggal di kawasan Hutan Simpan, Taman-Taman Sabah, Simpanan Hidupan Liar, tadahan air serta kawasan lindungan yang lain. Mohon senarai mengikut daerah dan kawasan perlindungan.

67. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah rancangan untuk menggalakkan aktiviti menarik termasuk aktiviti kebudayaan yang boleh menjadikan DUN Kapayan sebagai tarikan pelancong memandangkan ia sangat dekat dengan Kota Kinabalu.
68. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah inisiatif jangka masa pendek dan panjang yang telah dilakukan untuk pemulihan sektor pelancongan di Sabah.
69. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, berapakah peruntukan yang telah digunakan untuk mempromosi sukan melalui organisasi bukan kerajaan pada tahun 2022 dan apakah keberkesanan program yang telah dijalankan.
70. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah bekalan air yang sering terputus di kawasan pekan Tungku.
71. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah langkah kerajaan bagi mengatasi bekalan letrik yang sering terputus di kawasan Tungku.
72. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah jalan ke Kampung Tulibas akan dibina.
73. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kerajaan bagi memastikan tangki simpanan di Silabukan boleh beroperasi.
74. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, bilakah projek jaringan / talian telekomunikasi bagi Kampung Tambisan akan dilaksanakan
75. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah langkah kerajaan bagi membolehkan sekolah kabin di SK Tg Labian boleh digunakan.
76. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, apakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membina rumah guru bagi SK Tg. Labian.

77. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah kerajaan mempunyai rancangan bagi membangun industri akuakultur di Kampung Tambisan.
78. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan dan tindakan kerajaan bagi menangani masalah hakisan pantai di Kampung Dengan.
79. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah banjir bagi kawasan Taman Khazanah Indah.
80. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi bekalan air bagi kawasan Taman Khazanah Indah.
81. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah kerajaan mempunyai rancangan bagi menaik taraf jalan-jalan pertanian ke kebun pekebun-pekebun kecil.
82. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, bilakah Teluk Darvel akan diwartakan sebagai kawasan taman perlindungan.
83. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah gajah liar yang berkeliaran di luar kawasan habitatnya.
84. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah buaya yang mengancam keselamatan manusia.
85. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, apakah kerajaan mempunyai rancangan bagi membuat industri hiliran sawit bagi daerah Tungku.
86. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, apakah usaha kerajaan bagi meningkatkan operasi POIC Lahad Datu.

87. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI KERJA RAYA**, apakah usaha kerajaan bagi menambah baik kemudahan asas seperti air dan jalan serta bekalan letrik bagi POIC Lahad Datu.
88. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bilakah penyerahan baki geran tanah bagi daerah Telupid seperti yang dijanjikan Jabatan Tanah pada sidang yang lalu.
89. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, bilakah kelulusan dapat dikeluarkan bagi pelaksanaan bina baharu dewan utama daerah Telupid seperti yang diumumkan April lalu.
90. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mohon penjelasan status pengeluaran geran lot-lot perumahan peneroka berdikari oleh SLDB bagi kawasan Kg. Rancangan Nangoh.
91. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, mohon penjelasan status Pan Borneo bagi pakej WP31 di daerah Telupid, dimanakah jejaran yang dimuktamadkan dan bila dilaksanakan.
92. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah perancangan kementerian untuk membina jalan raya bagi menghubungkan tapak perkuburan daerah Telupid kerana permohonan bagi tapak perkuburan melalui MUIS telah diluluskan namun tiada sebarang jalan raya yang menghubungkannya.
93. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah Jambatan Konkrit Sungai Labuk yang menghubungkan Kg. Ansuan dan Kg. Baba dapat dilaksanakan. Permohonan sejak RMK 10 sehingga kini tiada kelulusan.
94. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah perkembangan permohonan naik taraf jalan perhubungan desa yang menghubungkan jalan Kg. Tapaang ke Jalan Limbasan, Jalan Masumba dan Jalan Kg. Kopuron-Lumou. Setakat ini jalan tersebut dibawah konsesi Syarikat Kekal Mewah Sdn. Bhd.
95. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah status mengenai permohonan projek naik taraf jalan ke jalan konkrit Kg. Toniting sejauh 5km.

96. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah status permohonan bangunan baru Pejabat Urus Setia Saerah Telupid memandangkan tapak sudah tersedia.
97. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah pendekatan kerajaan terhadap penduduk yang kurang mampu memohon tiang elektrik secara individu. Mengikut rekod terdapat lebih 100 orang pemohon dengan jumlah 300 batang tiang letrik yang dipohon.
98. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya **KETUA MENTERI**, bilakah pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pendidikan, Jabatan Air dan SESB yang masih dibawah daerah Beluran meliputi Kg. Lidong, Kg. Lubuk Dungun, Kg. Sualok, Kg. Bambang, Kg. Tembidong-Bidong dapat dipindahkan ke daerah Telupid.
99. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah bekalan air bersih dapat di salurkan kepada Kg. Nangoh, Kg. Sinaputan, Kg. Ruisi, Kg. Pinunakan, Kg. Lubuk Dungun, Kg. Lidong, Kg. Bambang, Kg. Bukit Mengidam, Kg. Singgahmata dan Sualok dalam Daerah Telupid melalui Jabatan Air.
100. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan lain mengenai 11 jalan daripada 13 jalan yang telah dicadangkan kepada pihak kementerian untuk dibina jalan pintas di Sandakan bagi mengelak kesesakan lalu lintas dan penjimatan kos bahan bakar.
101. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, kenapakah kawasan jalan dari Sekolah St Monica menuju ke Kompleks Sukan Batu 5 dan jalan Indah Jaya Kelab Rekreasi menuju ke Jalan Cecily tidak mempunyai sebarang lampu jalan.
102. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan peruntukan daripada pihak kementerian bagi melaksanakan kerja pembaikan pintu masuk Terminal Bas Mini Sandakan disebabkan oleh paip pembentungan yang rosak dan pecah sehingga berlaku penghakisan serta runtuh jalan raya di simpang masuk terminal bas mini.
103. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, kenapakah masih tidak ada langkah-langkah bagi mengelak binatang liar di kawasan awam di Sandakan. Baru-baru ini sahaja berlaku 1 kes kanak-kanak 7 tahun diserang dan digigit oleh anjing liar di kawasan perumahannya dan ini merupakan kes yang ketiga pada tahun ini.

104. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, kenapakah tidak ada sebarang tindakan mengenai isu kerosakan lampu di setiap kawasan perumahan yang telah diadukan kepada pihak yang berwajib.
105. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bilakah Terminal Bas Bersepadu dapat digunakan. Ini kerana terminal yang sekarang tidak mempunyai sebarang fasiliti yang lengkap seperti tempat letak bas yang selamat dan juga kemudahan kepada pelanggan serta ruang menunggu yang bersesuaian.
106. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, kenapakah kerja-kerja pembaikan cerun runtuh di Taman Melrose dan Taman Grandview masih lagi belum dijalankan.
107. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, bilakah Rumah di Sandakan akan dinaiktaraf untuk membolehkan penambahan kapasiti warga emas.
108. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bilakah pihak kementerian akan mewujudkan satu pihak pengurusan bagi menjaga persekitaran dan landskap di Taman Harmoni.
109. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kaedah terbaik untuk pengurusan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) agar tidak memakan masa yang begitu lama untuk berurusan di JPJ.
110. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, kenapa masih tidak ada kadar jadual tambang bas berstatus henti-henti yang terbaru. Kenapa segelintir pengusaha bas masih lagi menggunakan kadar tambang bas semasa tahun 2009 dan juga MCO.
111. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI TUAGS-TUGAS KHAS DAN PENYELARASAN**, adakah cadangan bagi membina menara Jabatan Pendidikan di Sandakan.
112. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, Apakah tindakan daripada pihak kerajaan bagi mengawal barang-barang subsidi yang kini semakin berkurangan sehingga sukar untuk didapati.

113. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, Kenapa tidak ada cadangan untuk memajukan POIC di Sandakan dan kenapa hanya tertumpu kepada POIC Lahad Datu sahaja.
114. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah cadangan bagi mewujudkan mesin cetakan MyKid di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sandakan agar permohonan MyKid tidak memakan masa terlalu lama.
115. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah perkembangan projek parit monsun di Sungai Anib yang sudah lama tertangguh.
116. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah bilangan/unit lampu jalan di kawasan Sri Tanjong yang akan ditukar kepada jenis LED.
117. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, dengan perluasan kutipan taksiran cukai ke Jalan Sin On Tiku, bilakah penduduk yang tinggal di kawasan tersebut dapat menikmati perkhidmatan kemudahan yang disediakan oleh MPT seperti pembayar cukai lain yang tidak terhad kepada perkhidmatan kutipan sampah sahaja.
118. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah status semasa bagi projek pembesaran jeti di Pasar Ikan Tawau.
119. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan Pusat Maklumat Pelancong di Lapangan Terbang Tawau bagi tujuan pengendalian pengunjung khususnya pelancong dari luar negara.
120. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah kerajaan bercadang untuk membina longkang/saliran monsun baharu bagi menampung kawasan-kawasan air panas (Hot Spring).
121. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah status penyelenggaraan dan baik pulih tiang konkrit retak di Pasar Tanjong Tawau.
122. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah rancangan kerajaan untuk menangani isu tanah runtuh di Sekolah Kebangsaan (SK) Holy Trinity Tawau dan apakah jenis bantuan yang akan diberikan bagi menangani isu tanah runtuh tersebut.

123. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah pendekatan kerajaan untuk menyelesaikan dan menangani isu banjir kilat yang kerap terjadi di kawasan seperti Kampung Rawa-Rawa dan Kampung Saddani yang terletak dibawah mukim DUN Sri Tanjong.
124. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak sektor swasta di Sabah untuk mengeluarkan produk hiliran (*downstreams product*).
125. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah status semasa pembinaan pintu air pasang (*tidal gate*) yang bertujuan untuk menangani isu banjir kilat di pusat bandar Tawau dan bilakah ia dijangka akan siap.
126. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kementerian akan menaik taraf Stesen Pam Sin On untuk menampung pembangunan masa depan di kawasan itu.
127. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan bercadang untuk membina parit/longkang konkrit baharu di Jalan Bunga Raya.
128. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah Stesen Pam Pembetungan di Taman Maju Jaya akan berfungsi sepenuhnya.
129. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, mohon disenaraikan maklumat semua projek pemasangan papan atau *signage* SABAH MAJU JAYA di seluruh Sabah secara terperinci mengikut kos setiap pemasangan, lokasi, kontraktor yang dilantik dan sebagainya.
130. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II:-**
- a) apakah prosedur serta rancangan kerajaan dalam pembaharuan bandar atau "*urban renewal*" untuk menggantikan bangunan lama atau disifatkan tidak selamat dengan pembangunan semula; dan
 - b) adakah kerajaan mempunyai senarai bangunan-bangunan yang lama yang telah dirancang untuk pembangunan semula.

131. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan taman-taman rekreasi dan gelanggang sukan di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu dinaiktaraf dan diselenggara dengan baik supaya kesejahteraan penduduk KK terjamin; dan
 - b) mengapa bajet untuk tujuan ini adalah kurang di pihak kerajaan tempatan.
132. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah peruntukan serta perbelanjaan yang telah dipakai guna untuk tujuan pembangunan dan kesejahteraan penduduk kawasan Luyang bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.
133. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah perancangan kementerian dalam membantu ibu tunggal muda menerima bantuan atau insentif sewajarnya daripada kerajaan bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan lebih baik.
134. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah perkembangan perumahan SMJ yang telah diumumkan kerajaan negeri, baru-baru ini.
135. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah status beberapa dewan di Kompleks Sukan Tawau yang masih ditutup untuk kegunaan orang ramai.
136. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah langkah proaktif kerajaan dalam mengekang masalah kehadiran golongan Palauh yang kini memilih berada di kawasan lampu isyarat (meminta sedekah) sehingga merisikokan keselamatan mereka dan pengguna jalan raya.
137. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah inisiatif kementerian dalam membangunkan program kejurulatihan negeri seterusnya menyumbang kepada pembangunan sukan di Sabah.
138. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah langkah kerajaan bagi menyelesaikan masalah penjualan nombor ekor (perjudian) yang berselindung sebagai kedai runcit.
139. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah pihak kerajaan telah mengeluarkan apa-apa dokumen rasmi berkaitan pengeluaran Kg. Rugading Tuaran daripada Kawasan KKIP; dan

- b) apakah status sebenar tanah penduduk Kg. Rugading Tuaran sehingga ke hari ini.

140. **YB Tuan Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KERJA RAYA:-**

- a) apakah langkah kerajaan bagi menangani kesesakan di Kundasang khususnya semasa cuti sekolah; dan
- b) apakah langkah kerajaan bagi memastikan jalan raya di sekitar Kundasang sentiasa dalam keadaan baik.